



[Experts](#)

Seni Kepimpinan Mempengaruhi ke Arah Kejayaan Organisasi

18 June 2026

Apabila mendengar perkataan pemimpin, ramai yang terus membayangkan seorang ketua organisasi yang duduk di pejabat besar, memberi arahan dan membuat keputusan penting. Hakikatnya, kepimpinan jauh lebih luas daripada sekadar memiliki jawatan atau gelaran tertentu. Seseorang boleh menjadi pemimpin walaupun tanpa kedudukan rasmi, asalkan mampu mempengaruhi, membimbing dan memberi inspirasi kepada orang lain ke arah mencapai matlamat bersama.

Dalam sesebuah organisasi, kepimpinan memainkan peranan yang sangat penting. Organisasi yang mempunyai pemimpin yang berkesan lazimnya lebih stabil, produktif dan mampu menghadapi pelbagai cabaran dengan lebih baik. Pemimpin bukan sahaja bertanggungjawab menentukan hala tuju organisasi, malah berperanan membina semangat kerja, mewujudkan budaya positif dan memastikan setiap ahli pasukan berasa dihargai.

Perbezaan Kepimpinan dengan Pengurusan

Namun begitu, kepimpinan sering disalahertikan sebagai pengurusan. Walaupun kedua-duanya saling berkait, terdapat perbezaan yang ketara antara seorang pemimpin dan seorang pengurus. Pengurus biasanya memberi tumpuan kepada perancangan, penyelarasan sumber dan memastikan tugas dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Pemimpin pula lebih menekankan aspek mempengaruhi manusia, membina visi dan menggerakkan individu untuk mencapai sesuatu yang lebih besar daripada kepentingan diri sendiri.

Seorang pengurus mungkin bertanya, "Bagaimana kerja ini boleh disiapkan?" tetapi seorang pemimpin akan bertanya, "Mengapa kita perlu melakukannya dan ke mana hala tuju kita?" Kedua-dua peranan ini penting. Namun, organisasi yang berjaya memerlukan keseimbangan antara kecekapan pengurusan dan keberkesanan kepimpinan.

Menariknya, tidak ada satu gaya kepimpinan yang sesuai digunakan dalam semua keadaan. Ada pemimpin yang bersifat tegas dan berorientasikan tugas, manakala ada juga yang lebih demokratik serta menggalakkan penglibatan ahli pasukan dalam membuat keputusan. Keberkesanan sesuatu gaya kepimpinan bergantung kepada situasi, jenis tugas yang perlu dilaksanakan dan keperluan individu yang dipimpin.

Transformasional Iwn Transaksional

Dalam dunia pekerjaan hari ini, pendekatan kepimpinan transformasional semakin mendapat perhatian. Pemimpin transformasional bukan sekadar memberi arahan, tetapi mampu mencetuskan inspirasi kepada pengikutnya. Mereka mempunyai visi yang jelas, berupaya membina keyakinan orang lain dan sentiasa menggalakkan kreativiti serta inovasi. Pemimpin seperti ini membantu pekerja melihat bahawa sumbangan mereka mempunyai makna yang besar kepada kejayaan organisasi.

Sebaliknya, terdapat juga pemimpin yang mengamalkan kepimpinan transaksional. Pendekatan ini lebih berasaskan sistem ganjaran dan hukuman. Pekerja yang menunjukkan prestasi baik akan diberi penghargaan, manakala kegagalan memenuhi jangkaan mungkin membawa kepada tindakan tertentu. Walaupun pendekatan ini berkesan dalam memastikan tugas dilaksanakan dengan teratur, ia mungkin kurang berjaya dalam membina motivasi jangka panjang.

Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa kepimpinan yang berkesan tidak bergantung kepada jantina semata-mata. Sama ada lelaki atau Perempuan, kedua-duanya mempunyai potensi yang sama untuk menjadi pemimpin cemerlang dan berwibawa. Apa yang lebih penting ialah keupayaan seseorang untuk berkomunikasi dengan baik, menunjukkan integriti, membuat keputusan yang bijak dan mengambil berat terhadap kebajikan orang yang dipimpinnya.

Rendah Hati Ciri Pemimpin Dikagumi

Salah satu ciri pemimpin yang sering dikagumi ialah sifat rendah hati. Pemimpin yang hebat tidak terlalu mengejar populariti atau kemasyhuran. Mereka lebih menumpukan usaha untuk membangunkan organisasi dan membantu orang lain mencapai potensi terbaik mereka. Apabila organisasi berjaya, mereka menghargai sumbangan pasukan. Namun, apabila berlaku kegagalan,

mereka berani memikul tanggungjawab dan mencari jalan penyelesaian.

Walau bagaimanapun, menjadi seorang pemimpin bukanlah tugas yang mudah. Mereka perlu berdepan dengan pelbagai cabaran seperti mengurus perubahan, menyelesaikan konflik, membimbing pekerja yang mempunyai pelbagai latar belakang dan memastikan prestasi organisasi sentiasa berada pada tahap terbaik. Dalam masa yang sama, mereka juga perlu terus belajar dan menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran yang semakin pantas.

Kesimpulannya, kepimpinan bukan sekadar tentang kuasa atau kedudukan. Ia merupakan satu proses mempengaruhi orang lain melalui teladan, komunikasi dan tindakan yang konsisten. Organisasi memerlukan pemimpin yang bukan sahaja cekap membuat keputusan, tetapi juga mampu membina hubungan yang kukuh dan mewujudkan persekitaran kerja yang positif. Dalam dunia yang sentiasa berubah, kepimpinan yang berkesan menjadi kunci utama kepada kelangsungan dan kejayaan sesebuah organisasi. Pemimpin yang baik bukanlah mereka yang mempunyai pengikut yang ramai, tetapi mereka yang berjaya melahirkan lebih ramai pemimpin pada masa hadapan.



Oleh: DR. ABDUL HADI SAMSI

E-mel: hadisamsi@umpsa.edu.my

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

